

SOALAN KERTAS 1 (3.1.2 DAN 3.1.3)

1. Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan?
 - A Menjual dan membeli surat jaminan kerajaan
 - B Menjadi sumber pinjaman terakhir
 - C Memberi pendahuluan
 - D Mengurus pertukaran asing

2. Maklumat berikut berkaitan dengan dengan suatu tindakan bank pusat.

Bank Pusat telah mengubah dasar kadar rizab tunai daripada 14% kepada 12% untuk mengawal ketidakstabilan ekonomi

- Apakah tujuan tindakan tersebut?
- A Menggalakkan pinjaman di kalangan orang luar
 - B Menggalakkan tabungan orang ramai
 - C Meningkatkan keupayaan bank perdagangan dalam memberi pinjaman
 - D Mengurangkan keupayaan bank perdagangan dalam memberi pinjaman
3. Mengapakah bank pusat perlu mengawal kadar rizab berkanun bank perdagangan?
 - A Menjaga kepentingan para pendeposit
 - B Mengawal penawaran wang dalam ekonomi
 - C Mengawal margin keuntungan bank perdagangan
 - D Meningkatkan kuasa beli masyarakat semasa inflasi
 4. Antara institusi kewangan berikut, yang manakah tidak menerima deposit daripada individu?
 - A Bank Negara Malaysia
 - B Maybank Banking Berhad
 - C Bank Rakyat Berhad
 - D Bank Simpanan Nasional

5. Encik Amin membeli sebuah rumah dengan bayaran ansuran sebanyak RM1 400 sebulan.

Apakah perkhidmatan bank perdagangan yang memudahkan Encik Amin untuk membuat pembayaran ansuran kereta tersebut.

- | | |
|------------------|----------------------|
| A Draf bank | C Pindahan kredit |
| B Debit langsung | D Perintah sedia ada |

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan satu perkhidmatan bank perdagangan.

Setiap bulan Syarikat Gemilang berhad membayar gaji pekerja dengan memasukkannya ke dalam akaun pekerjaanya

Apakah perkhidmatan bank tersebut?

- | | |
|----------------------|------------------|
| A Pindahan kredit | C Debit langsung |
| B Perintah sedia ada | D Overdraf |

7. Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan deposit yang disediakan oleh bankperdagangan.

- Boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa dengan cek dan ATM
- Boleh memohon overdraf bank

Nyatakan jenis deposit yang mewakili pernyataan tersebut.

- | | |
|--------------------|------------------|
| A Deposit tetap | C Deposit Wadiah |
| B Deposit tabungan | D Deposit semasa |

8. Apakah perkhidmatan bank perdagangan yang membolehkan individu membayar bil elektrik dan air?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

